



27 FEB, 2024

JKDM gagalkan cubaan seludup diesel ke Thailand

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2



PEGAWAI penguat kuasa JKDM Kedah membuat pemeriksaan pada lori tangki yang membawa minyak diesel untuk dieksport ke Thailand.

JKDM gagalkan cubaan seludup diesel ke Thailand

Alor Setar: Cubaan sindiket untuk mengeksport 80,000 liter minyak diesel dalam dua lori tangki ke Thailand gagal apabila kegiatan itu berjaya dikesan Cawangan Penguatkuasaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kedah pada 17 Februari lalu.

Ini kerana mereka dipercayai menggunakan pengikraran yang tidak betul dalam dalam Borang Eksport (Kastam 2) sebagai *blend stock fuel oil* (stok campuran minyak bahan api).

Pengarah Kastam Kedah Nor Izah Abdul Latif berkata, sepasukan pegawai Kastam Cawangan Penguatkuasaan Durian Burung berjaya menahan dua lori tangki bernombor pendaftaran tempatan itu dalam Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) di Kota Putra, Durian Burung, Padang Terap pada jam 9.30 pagi hari kejadian.

Menurutnya, hasil pemeriksaan awal di lokasi kejadian mendapati, pasukan penguat kuasa menemui muatan yang disyaki minyak diesel.

Berikutan itu, kedua-dua buah lori itu kemudian diiring dan diparkir di hadapan pejabat Cawangan Penguatkuasaan Durian Burung untuk siasatan lanjut.

"Hasil pemeriksaan rapi terhadap lori pertama mendapati, ia membawa muatan minyak diesel anggaran sebanyak 45,000 liter manakala lori kedua pula membawa muatan 35,000 liter dengan nilai diesel.



Hasil pemeriksaan rapi terhadap lori pertama mendapati, ia membawa muatan minyak diesel anggaran sebanyak 45,000 liter manakala lori kedua pula membawa muatan 35,000 liter dengan nilai diesel"

Nor Izah

"Anggaran minyak diesel berkenaan sebanyak RM172,000 manakala nilai kenderaan kes kira-kira RM450,000," katanya dalam kenyataan semalam.

Nor Izah berkata, kedua-dua pemandu warga tempatan yang berusia dalam lingkungan 37 tahun dan 48 tahun itu ditahan untuk siasatan dan mereka kemudiannya dibebaskan dengan jaminan Kastam.

Beliau berkata, *blend stock fuel oil* tidak tertakluk kepada lesen eksport dan tiada duti / cukai.

"Selain itu, mereka turut cuba mengaburi pihak Kastam dan bagi mendapatkan pelepasan terus dengan cara menambah pewarna hitam ke dalam minyak diesel supaya warna minyak diesel berkenaan menjadi lebih gelap.

"Berikutan itu, kes disiasat mengikut Seksyen 135(1)(e) Akta Kastam 1967 kerana mengangkut barang tidak berkastam/ lalangan," katanya.



27 FEB, 2024

JKDM gagalkan cubaan seludup diesel ke Thailand

Harian Metro, Malaysia



SUMMARIES

PEGAWAI penguat kuasa JKDM Kedah membuat pemeriksaan pada lori tangki yang membawa minyak diesel untuk dieksport ke Thailand.

Alor Setar: Cubaan sindiket untuk mengeksport 80,000 liter minyak diesel dalam dua lori tangki ke Thailand gagal apabila kegiatan itu berjaya dikesan Cawangan Penguatkuasaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kedah pada 17 Februari lalu.